

Langkah siasat skandal dialu-alu

KUALA LUMPUR, Khamis — Pergerakan Pemuda Umno Malaysia mengalu-alukan langkah kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa penyiasat untuk menyiasat skandal pinjaman berjuta-juta ringgit Bumiputra Malaysia Finance (BMF) di Hong Kong.

Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan itu, Datuk Najib Tun Razak berkata, langkah ini memang tepat memandangkan kebanyakan rakyat masih ragu-ragu dan tertanya-tanya keadaan sebenarnya skandal itu.

Katanya, pihaknya berharap siasatan rapi dapat dilakukan terhadap skandal itu supaya rakyat tidak mencurigai kewibawaan dan puas hati dengan hasil siasatan itu.

"Kita berharap hasil siasatan itu akan menjadi satu sejarah dan pengajaran yang pahit masa depan dan hendaknya tidak diulangi lagi," tegasnya.

Datuk Najib yang juga Naib Ketua Pergerakan itu berkata demikian ketika mengalu-alukan pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir mengenai penubuhan sebuah Jawatankuasa Penyiasat skandal BMF yang membabitkan \$1,700 juta.

Tiga anggota yang dilantik menyiasat skandal itu ialah Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, seorang akauntan, Encik Ramli Ibrahim dan seorang peguam, Encik Chui Man Sor.

Perdana Menteri juga menolak penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja kerana mereka yang dilantik itu layak dan mampu mengendalikan tugas itu kerana mereka faham tentang akaun dan undang-undang bank serta pendirian bebas dan tidak ada hubungan dengan BMF.

Sebelum ini beberapa pertubuhan termasuk Majlis Belia Malaysia (MBM) dan parti DAP menggesa supaya sebuah Suruhanjaya Bebas Diraja ditubuhkan untuk menyiasat kes itu memandangkan ia membabitkan beribu juta ringgit.

Kemampuan

Mereka menganggap penerbitan kertas putih tidak memadai kerana skandal itu membabitkan beribu juta ringgit berbanding dengan pengeluaran kertas putih kepada Bank Rakyat yang hanya membabitkan jumlah yang sedikit.

Datuk Najib yang juga Menteri Besar Pahang memberitahu, berlandaskan kewibawaan ahli jawatankuasa yang dilantik itu adalah jelas mereka mempunyai kemampuan untuk menyiasat dengan rapi dan berkesan.

Katanya, mereka perlu diberi kuasa sebeb-bebasnya untuk membongkar segala penyelewengan yang berlaku supaya kita dapat mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap Bank Bumiputra keseluruhannya.

Beliau menegaskan, skandal ini adalah besar kepada maruah bangsa Melayu kerana Bank Bumiputra terkenal sebagai sebuah bank menjaga kepentingan orang Melayu.

Katanya, jika penyiasatan ini sekadar "melepaskan batuk di tangga" maka sudah tentu isu ini akan terus berlanjutan

dan dalam jangka masa panjang akan merugikan Bank Bumiputra sendiri.

Beliau menggesa pegawai-pegawai bank yang terbabit dibawa ke muka pengadilan jika ada bukti-bukti yang konkrit pinjaman itu diberi kerana rasuah atau kecuaihan yang sengaja dilakukan.

Sementara itu, beberapa orang pakar bank tempatan menganggap jawatankuasa itu masih lemah kerana ahli yang dipilih tidak ada seorang pun terdiri dari hakim.

Katanya, jika seorang hakim dilantik maka sudah tentu jawatankuasa itu mempunyai kuasa yang cukup untuk menyiasat dan meneliti dokumen-dokumen yang sensitif.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia